

20/03/2001

Program PBB: Saddam arah utamakan Malaysia

PRESIDEN Iraq, Saddam Hussein mahu Malaysia diberi keutamaan dalam hubungan perdagangan dengan negaranya menerusi program perjanjian pertukaran minyak untuk makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sambil menyifatkan jumlah kontrak Malaysia-Iraq di bawah program itu ketika ini terlalu rendah, beliau mengarahkan jumlah itu ditingkatkan berkali ganda berbanding RM1,740 juta (AS\$458 juta) setakat ini.

Menteri Kesihatan Iraq, Dr Omed Midhat Mubarak berkata, Saddam mengarahkan semua kementeriannya mengutamakan Malaysia dalam program kemanusiaan PBB, yang turut merangkumi bekalan ubat-ubatan dan peralatan perubatan.

Beliau berkata, Presiden Iraq itu dan pegawai kanan kerajaan terbabit amat menghormati dan memandangi tinggi kerajaan Malaysia, pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan kelantangannya menyokong Iraq di samping memperjuangkan hak negara membangun serta negara ketiga lain.

"Kerana ini, Presiden Saddam mahu Malaysia diberi keutamaan berbanding negara lain dalam program bantuan kemanusiaan PBB ini.

"Kementerian Kesihatan Iraq juga sependapat dengan Presiden Iraq dan mahu jumlah kontrak bekalan ubat-ubatan dan peralatan kesihatan ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya antara lain akan mempercepatkan proses pendaftaran syarikat farmaseutikal dan peralatan perubatan Malaysia, iaitu kira-kira dua bulan berbanding minimum 18 bulan ketika ini bagi membolehkan usaha sama itu dilaksanakan segera.

Bagi tujuan itu, beliau turut meminta industri Malaysia terlebih dulu membekalkan maklumat berhubung produk yang ingin ditawarkan kepada Iraq, termasuk mengadakan pameran berkaitan di sini.

Dr Omed Midhat memberitahu pemberita Malaysia demikian selepas sesi taklimat dan dialog berhubung keadaan kesihatan di Iraq dengan delegasi Malaysia, yang diketuai Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Seramai 60 pegawai kanan kementerian, pakar perubatan dan ahli akademik fakulti perubatan institusi pengajian tinggi awam menyertai lawatan kerja Kementerian Kesihatan Malaysia itu.

Sejak program perjanjian pertukaran minyak untuk makanan itu dilaksanakan pada Mei 1996 sehingga Mac 2001, sebanyak 214 kontrak berjumlah RM1,740 juta (AS\$458 juta) diperolehi Malaysia dan RM66.5 juta (AS\$17.5 juta) membabitkan produk farmaseutikal dan peralatan perubatan.

Jumlah itu meletakkan Malaysia ke-15 daripada senarai 75 negara yang mendapat kontrak menerusi program itu. Tempat pertama Perancis.

Program perjanjian pertukaran minyak untuk makanan itu dilaksanakan dalam usaha memulihkan mutu kehidupan rakyat di Iraq yang terjejas teruk apabila PBB mengenakan sekatan kepada Iraq sejak 2 Ogos 1990 selepas ia menceroboh Kuwait pada Ogos 1990.

(END)